

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
[GERIK]**

TARIKH : 8 APRIL 2014

SOALAN :

YB. Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bahawa dalam buku Sejarah Hulu Perak tahun 50an telah menulis bahawa Laksamana Hang Tuah telah lari dari Melaka ke hulu sungai Perak. Kawasannya di Royal Belum. Terdapat cerita-cerita lama mengatakan ada gua pertapaan Hang Tuah, batu yang ada tapak kaki Hang Tuah serta orang gagah Hulu Perak iaitu Tun Saban membawa keturunan Sultan Melaka dari Palembang menjadi Raja di Perak hingga kini. Apakah usaha-usaha Kementerian bagi menyiasat dan mengesahkan dakwaan tersebut.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Perpustakaan Negara Malaysia dan Arkib Negara Malaysia telah mengambil pelbagai inisiatif bagi memartabatkan sastera sejarah Hang Tuah sebagai Adiwira Melayu yang menegakkan ketuanan Melayu ketika kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. Perpustakaan Negara Malaysia mempunyai 4 buah koleksi manuskrip asal Hikayat Hang Tuah dan MSS 1713 telah mendapat pengiktirafan daripada UNESCO *Memory of the World Programme*. Transliterasi dan kajian bandingan bagi manuskrip Hikayat Hang Tuah telah dilaksanakan oleh YBhg Prof. Dato' Dr. Siti Hawa Haji Salleh dan telah diterbitkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia pada tahun 2012. Manakala Arkib Negara Malaysia ada menyimpan manuskrip yang bertajuk "*Original Manuscript of the Adventure of Hang Tuah written by Mubin Sheppard in Klang and Finished in Ireland 1948/49*" dengan nombor penerimaan 2007/0049900.

Kementerian ini sentiasa menggalakkan kajian berkenaan Hang Tuah dan Tun Saban oleh sejarawan negara dan antaranya adalah seperti berikut:

- (i) Prof. Datuk Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali dari Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya menyatakan bahawa dalam tradisi lisan ada menyatakan bahawa Hang Tuah lari ke Hulu Sungai Perak, namun catatan tersebut tidak ditemui di dalam Hikayat Hang Tuah dan Sejarah Melayu. Namun terdapat kajian yang

lain menyatakan terdapatnya makam Hang Tuah di sekitar Melaka; dan

- (ii) Prof. Madya Dr. Talib Samad dari Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UPSI menyatakan Tun Saban bukan anak kepada Tun Perak. Tun Saban dikatakan salah seorang Pembesar Melaka yang telah membawa anak Sultan Mahmud (Sultan Melaka) menjadi Raja Perak yang pertama iaitu Sultan Muzaffar Syah. Makam Tun Saban terletak di Sekolah Menengah Agama Lamin, Gerik Perak. Tun Saban dan Hang Tuah tidak mempunyai pertalian keluarga atau sebarang hubungan antara murid dan guru. Dalam Hikayat Hang Tuah terdapat catatan yang menyatakan bahawa Hang Tuah telah lari ke Hulu Perak (Tasik Banding) seterusnya bercampur dengan orang Sakai. Kajian lengkap mengenai Tun Saban sedang dilaksanakan oleh Dr. Talib Samat dan akan diterbitkan dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.